

Headline	LCC mampu angkat Betong		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	01 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	9	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	284 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 645
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,936



## LCC mampu angkat Betong

**BETONG:** Layar Cycling Carnival (LCC) 2019 mampu menangkap nama bahagian Betong sebagai salah satu pusat pelancongan berasaskan sukan berbasikal dan alam semula jadi di negeri ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Layar merangkap Penasihat Jawatankuasa Pengelola LCC 2019, Gerald Rentap Jabu berkata, edisi ketiga pengajuran LCC berjaya meletakkan nama Betong dalam peta pelancongan sukan antarabangsa susulan penyertaan peserta dari Indonesia dan Brunei Darussalam.

Katanya, selain peserta tempatan, para pelumba dari Semenanjung Malaysia khususnya dari Terengganu juga mengambil bahagian dalam

kejohanan tersebut.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam dan Acara Perasmian Layar Cycling Carnival (LCC) 2019 di Dewan Pasar Tani, RTC Betong.

Gerald Rentap menambah, kejohanan LCC 2019 yang berlangsung mulai 30 Ogos sehingga hari ini (1 September) berjaya menarik 15 pasukan dengan lebih 100 orang peserta.

"Selain menjadi medan untuk memupuk semangat kesukanan, LCC 2019 juga merupakan platform kepada para peserta mengerakkan hubungan kesukanan sesama mereka," ujarnya.

Tambah beliau, jawatankuasa pengajuran LCC 2019 diterajui oleh Pejabat Daerah Betong dan SABERKAS Layar.



Gerald menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang.